

Jumlah penganggur turun kepada 566,400 orang

Pasaran pekerjaan kekal stabil bukti pertumbuhan ekonomi terus menggalakkan

Oleh Mahanum Abdul Aziz

mahanum_aziz@bh.com.my

Bilangan penganggur di negara ini terus menurun pada April lalu kepada 566,400 orang untuk merekodkan kadar pengangguran 3.3 peratus, demikian Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pasaran pekerjaan pada April kekal stabil, mencerminkan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menggalakkan.

Oleh itu, beliau berkata, bilangan tenaga kerja pada April lalu meningkat 0.1 peratus, mencatatkan 17.12 juta orang berbanding 17.1 juta orang pada Mac dengan kadar penyertaan tenaga kerja kekal 70.3 peratus seperti pada bulan sebelumnya.

Beliau berkata, bilangan penduduk bekerja pada April 2024 terus merekodkan peningkatan, dengan pertumbuhan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus kepada 16.56 juta orang berbanding Mac 2024 sebanyak 16.53 juta orang, manakala bilangan penganggur pada bulan itu mencatatkan sedikit penurunan iaitu 0.04 peratus kepada 566,400 orang, berbanding 566,600 orang pada Mac 2024.



Mohd Uzir Mahidin

"Kategori pekerja merangkumi 75.1 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada April 2024. Kumpulan ini meningkat 0.1 peratus kepada 12.43 juta orang berbanding 12.42 juta orang pada Mac.

"Pada masa sama, kategori penduduk bekerja sendiri terus pada trend menaik dengan kadar pertumbuhan 0.3 peratus kepada 3.04 juta orang berbanding 3.03 juta orang pada Mac 2024," katanya dalam satu kenyataan.

Sektor perkhidmatan kekal merekodkan peningkatan bilangan penduduk bekerja, terutama dalam aktiviti maklumat dan komunikasi, perkhidmatan makanan dan minuman serta pengangkutan dan penyimpanan.

Trend yang sama juga dilihat dalam sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian serta pertanian pada bulan itu.

Mengenai situasi pengangguran pada bulan itu, perangkaan terkini menunjukkan 79.7 peratus adalah penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan.

Kategori itu kurang sedikit iaitu 0.03 peratus kepada 451,400 orang berbanding 451,500 orang pada bulan terdahulu.

Dalam kalangan penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang tiga bulan merangkumi 61.7 peratus, manakala pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah 6.7 peratus.

Begitu juga, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif turun sedikit iaitu sebanyak 0.05 peratus kepada 115,000 ribu orang.

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun tidak berubah iaitu pada 10.6 per-



Sektor perkhidmatan terus rekod peningkatan bilangan penduduk bekerja, terutama dalam aktiviti maklumat dan komunikasi. (Foto hiasan)

tus pada April 2024, merekodkan 305,900 penganggur belia berbanding 306,300 orang pada Mac.

Kadar pengangguran belia

Pada masa sama, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun adalah 6.5 peratus, dengan 434,900 penganggur belia berbanding 434,500 orang pada Mac 2024.

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan penduduk di luar tenaga kerja pada April 2024 mencatatkan sedikit peningkatan iaitu 0.01 peratus kepada 7.23 juta orang berbanding 7.23 juta orang pada bulan sebelumnya.

DOSM berkata, pertumbuhan positif ekonomi Malaysia dijangka akan berterusan pada suku mendatang disokong corak perbelanjaan domestik berdaya tahan dan peningkatan dalam aktiviti pelancongan serta kedudukan pasaran buruh yang positif dan pertumbu-

han pendapatan.

Selain itu, ia berkata permintaan dari luar negara dijangka akan pulih apabila Malaysia mendapat manfaat daripada peningkatan dalam pengeluaran global dan perdagangan antarabangsa.

Katanya, pelaburan sektor awam yang lebih kukuh sejarah dengan kemajuan dalam sektor pembinaan, terutama pembangunan infrastruktur berterusan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) akan membawa kepada pertambahan lebih banyak pekerjaan.

"Situasi ini menggalakkan lebih ramai orang masuk ke pasaran pekerjaan, sekali gus merancakkan lagi kedudukan pasaran buruh Malaysia.

"Oleh itu, situasi tenaga buruh negara lebih optimis dijangka pada bulan mendatang selari prestasi ekonomi Malaysia yang membangangkan," katanya.